

GENERASI pengguna

Wadah Informasi
Kelab Pengguna

FEBRUARI 2016 • EDARAN PERCUMA

Kepentingan Harga Seunit Kepada Pengguna



Berhati-hati terhadap
Perniagaan atas
talian



5 Langkah Pantas
Untuk Menyimpan
Wang



Adakah Bil
Elektrik Anda
Meningkat?



Bil Air: Suarakan
Kerisauan Anda



Nyamuk Aedes
Punca Demam
Zika



Menteri KPDNKK Bersama-
Sama Memerangi Kenaikan
Harga Barang

ISSN 2231-976X



9 772231 976003



Kepentingan Harga Seunit Kepada Pengguna

Setiap kali anda pergi ke pasar raya besar, anda sering menghadapi masalah untuk memilih produk mana yang menawarkan harga yang lebih baik. Hal ini disebabkan pasar raya menawarkan pelbagai jenis produk dengan jenama dan saiz yang berbeza.

Selain itu, pasar raya juga sering menawarkan pembelian produk secara pukal yang mengandungi dua atau lebih produk dalam satu pek. Satu kesukaran yang anda hadapi ialah tiada harga yang diletakkan bagi seunit produk tersebut. Ini menyebabkan anda terpaksa mengira sendiri bagi menentukan sama ada anda boleh mendapat penjimatan apabila membeli satu produk atau membeli secara pukal.

Apakah itu harga seunit?

Harga seunit ialah harga yang mewakili berat atau isi padu yang memudahkan pembeli membandingkan harga kos sebenar barangan walaupun terdapat dalam saiz yang berlainan.

Harga seunit mengandungi harga dalam unit ukuran yang tertentu, selain harga jualan. Dengan menggunakan unit ukuran standard, pembeli dapat membandingkan harga produk tanpa mengambil kira saiz atau jenama. Harga seunit boleh dibuat bagi seliter, sekilogram, setiap 100 mililiter, setiap 100 gram, setiap 10 gram dan sebagainya, tertakluk



Bil. 46, Edisi Februari 2016

Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

Ketua Sidang Pengarang

Mohd Yusof Abdul Rahman

Timbalan Ketua Sidang Pengarang

Siti Rahayu Zakaria

Sidang Pengarang

Nah Kok Wai, *Forum Air Malaysia*

Jesslyn Pek Yen Lee, *Persatuan Pengguna Air, Tenaga Malaysia (WECAM)*

Nur Asyikin Aminuddin, *Persatuan Pengguna-Pengguna Standard Malaysia*

Bahagian Gerakan Kepenggunaan, *KPDNKK*

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, *Kementerian Pendidikan Malaysia*

Generasi Pengguna merupakan terbitan usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan FOMCA. Ia diterbitkan setiap bulan khusus untuk Kelab Pengguna Sekolah. Edaran naskhah adalah percuma.

Editor

GENERASI PENGGUNA

No 4, Jalan SS 1/22A,
47300 Petaling Jaya, Selangor.

Tel : 03-7876 2009

Faks : 03-7877 1076

E-mel : fomca@fomca.org.my

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

No 13, Persiaran Perdana, Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan

Persekutuan, 62623 Putrajaya.

Sesawang : www.kpdnkk.gov.my

Hotline : 1-800-886-800

Tel : 03-8882 5500

Faks : 03-8882 5762

Cetakan

فرجينتكن اساس جاي (مليسيا) مندوبون برحد

Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B Tingkat 2, Jalan Pipit 2

Bandar Puchong Jaya,

47100 Puchong Jaya

Selangor Darul Ehsan

kepada jenis produk yang berkaitan dengan berat, isi padu, panjang, permukaan dan jenis barangan.

Harga seunit juga tidak memerlukan pembeli membuat pengiraan yang rumit untuk mengetahui produk yang mana satu memberi tawaran harga yang terbaik. Dengan meletakkan harga seunit ini, seseorang pembeli dapat mengenal pasti pembelian yang mana satu adalah terbaik.

Sebagai contoh, satu beg serbuk pencuci pakaian berjenama A berukuran 4 kilogram dijual pada harga RM15.05 atau satu beg serbuk pencuci berjenama yang sama seberat 2.5 kilogram yang dijual pada harga RM10.99. Mengikut pengiraan, harga seunit bagi beg pencuci 2.5kg adalah RM3.76 sekilogram, manakala harga seunit beg pencuci 1.5 kilogram adalah RM4.40. Perbandingan ini memberi sedikit sebanyak maklumat bahawa membeli beg pencuci 4 kilogram akan memberi penjimatan sebanyak RM0.64 untuk setiap kilogram. Harga seunit membantu pembeli membandingkan nilai produk dalam pelbagai saiz dan jenama tanpa memerlukan kalkulator. Ia begitu mudah dirujuk untuk mengetahui berapa yang perlu dibayar bagi setiap 100 gram bagi sesuatu produk.

Mengapa Harga Seunit Perlu

Pengguna mempunyai pilihan yang luas apabila membuat keputusan apa yang dibeli. Pilihan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, seperti rasa, pilihan makanan, kesihatan, sosial atau kesan persekitaran, termasuk harga. Perbandingan harga adalah lebih rumit kerana terdapat pelbagai produk yang berlainan jumlahnya, jenis produk dan unit simpanan stok, yang sering didapati oleh pengguna di pasar raya dan kedai runcit. Harga seunit juga membantu pengguna mengetahui nilai produk dengan cepat apabila membandingkan produk yang sama, tetapi dibungkus dengan bermacam-macam saiz atau jenama.

Pasar raya dan kedai runcit besar perlu memaparkan tanda harga seunit. Peruncit secara atas talian, yang menjual pelbagai jenis produk makanan dan runcit juga perlu memaparkan harga seunit. Sebagai contoh, aplikasi telefon, iaitu *Smartshopper*, telah diperkenalkan oleh Blue Tangent dengan kerjasama Persatuan Pengguna-Pengguna Standard Malaysia (Standards Users). Aplikasi ini, yang boleh dimuat turun dari *Playstore* atau *Itunes*, memberi maklumat terhadap produk-produk yang dijual di pasar raya dengan harga jualan dan harga seunit. Aplikasi ini



membantu pengguna untuk menyemak terlebih dahulu produk mana yang menawarkan harga yang terbaik.

Selain itu, bagi membantu dalam pelaksanaan harga seunit ini, sebuah jawatankuasa kebangsaan telah dibentuk, yang dianggotai oleh pelbagai pihak berkepentingan, seperti pasar raya, FAMA, SIRIM, persatuan pengguna dan sebagainya. Jawatankuasa ini sedang menggubal satu standard antarabangsa untuk memudahkan peniaga untuk memperagakan harga produk, termasuk harga seunit.

Di beberapa buah negara, seperti negara-negara Eropah, Amerika dan Australia, yang telah mempunyai undang-undang tentang harga seunit. Peniaga di negara-negara tersebut sentiasa menambah baik kualiti harga seunit dan membuat pembaharuan terhadap undang-undang / garis panduan yang sedia ada. Di bawah *price marking order*, peniaga perlu mematuhi keperluan undang-undang untuk memaparkan kedua-dua harga jualan dan harga seunit pada label di rak produk makanan atau minuman.

Pada masa ini Malaysia belum mewajibkan penggunaan harga seunit pada tanda harga produk. Namun jika ia dilaksanakan, ia dapat membantu pengguna dalam membuat perbandingan tentang harga produk secara yang lebih baik. Secara tidak langsung, ini juga dapat membantu pengguna menjimatkan perbelanjaan kerana mereka membeli produk yang menawarkan harga yang terbaik.

Sumber: FOMCA



Berhati-hati terhadap Perniagaan atas talian

Berdasarkan rekod aduan yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), aduan tertinggi adalah **E-dagang (pembelian atas talian)**. Sejumlah 7,641 aduan telah diterima pada tahun 2014, dengan jumlah kerugian sebanyak berjuta-juta ringgit. Hal ini memberi satu gambaran bahawa pembelian atas talian mempunyai risiko yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pembelian secara tradisional.

Faedah perniagaan atas talian


Jaringan internet memberikan peluang kepada para pengguna untuk mencari maklumat, membuat semakan mengenai sesuatu produk, dan yang paling penting, membolehkan pengguna mengurus niaga secara atas talian.

Pada hari ini, para pengguna lebih memilih untuk mengurus niaga secara atas talian. Hal ini didorong oleh beberapa faktor, antaranya barangan yang ingin dibeli lebih murah ataupun bermutu tinggi. Dengan pembelian atas talian, pengguna dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga. Pengguna hanya perlu melayari laman sesawang penjual untuk melihat barangan yang hendak dibeli, dan

hanya perlu klik sahaja, untuk membeli barangan atau perkhidmatan yang diinginkan.

E-dagang bukan sahaja membawa manfaat kepada para pengguna, malah juga kepada pihak penjual. Urus niaga secara atas talian adalah lebih efisien dan mengurangkan kos perniagaan. Syarikat dan usahawan kecil dan sederhana (SME) boleh meraih faedah daripada E-dagang kerana penjual dapat mencapai lebih banyak potensi pembeli berbanding cara tradisional. Pengguna juga mendapat faedah daripada E-dagang dengan peluang pilihan yang lebih banyak, maklumat produk yang lebih terperinci, kos pengeluaran yang lebih rendah dan juga servis yang lebih responsif.

Penggunaan E-dagang membolehkan peruncit dan pembekal perkhidmatan pengguna untuk mewujudkan rantai bekalan dan pelanggan-pelanggan utama di peringkat negara dan antarabangsa dengan lebih cepat dan murah berbanding model perniagaan tradisional. Di samping itu, mereka tidak perlu untuk melabur dalam aset-aset seperti kedai, gudang dan pengangkutan .



Risiko perniagaan atas talian

Kebanyakan pengguna tidak menyedari tentang masalah-masalah yang mungkin timbul dan tidak memahami bahawa syarat-syarat kontrak yang mereka persetujui ketika mengurus niaga atas talian adalah sama dengan kontrak tradisional.

Aduan yang diterima oleh NCCC

- Produk yang dibeli tidak diterima.
- Maklumat tidak mencukupi. Sebagai contoh, polisi pembayaran balik kepada pengguna.
- Produk diterima dalam keadaan kurang memuaskan / rosak.
- Kualiti produk yang rendah.
- Penghantaran produk yang menjangkau masa yang dipersetujui atau dijanjikan.
- Produk yang diterima tidak sama dengan apa yang tertera atas talian.
- Sukar untuk memulangkan barangan yang rosak.
- Tidak ada cara yang pasti untuk membatalkan kontrak yang disetujui secara atas talian.

Senarai yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh dan jumlah kerugian yang dialami adalah lebih rendah daripada dijangka kerana hakikatnya terdapat ramai pengguna yang tidak membuat aduan terhadap peniaga kerana mereka tidak mengetahui hak-hak mereka.

Panduan untuk pengguna yang membeli secara atas talian

Berikut adalah beberapa amalan terbaik untuk

pengguna yang membeli secara atas talian, iaitu:

- Elakkan daripada membeli barangan yang diiklankan di laman sesawang yang tidak memberi penerangan yang jelas tentang barangan mereka.
- Pastikan syarikat itu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Jika mereka memaparkan nama perniagaan atau nombor pendaftaran syarikat, anda boleh menyemak dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tujuan pengesahan.
- Pembayaran tunai atas penerimaan barangan (*cash on delivery*) adalah kaedah yang lebih baik. Apabila anda menerima barangan, pastikan anda menyemak barangan terlebih dahulu sebelum pembayaran. Sekiranya barangan tidak sepadan dengan barangan yang dipesan atas talian atau didapati telah rosak, anda boleh mengembalikan barangan tersebut dengan segera dan pengguna tidak perlu membayar.
- Sekiranya anda mendapati barang-barang yang dibeli mengalami kerosakan, pengadu perlu menghubungi syarikat penjual dengan serta-merta. Sekiranya aduan tersebut diabaikan, pengadu haruslah membuat aduan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.
- Sekiranya peniaga menawarkan harga yang terlalu rendah, ada kemungkinan bahawa penjual tersebut tidak mempunyai barangan tersebut atau cuba untuk menjual barangan palsu. Anda perlu mengetahui tentang harga pasaran terkini sebelum anda membeli barangan tersebut.



5 Langkah Pantas Untuk Menyimpan Wang

Anda tidak perlu menjadi pakar kewangan untuk memulakan tabiat menyimpan wang, dan dalam masa yang sama anda juga tidak perlu berhenti berbelanja. Contohnya, apabila anda mahu menurunkan berat badan, anda perlu mengubah cara hidup anda, seperti cara pemakanan dan senaman. Terdapat pelbagai jenis diet, tetapi realitinya diet yang berkesan dan mampu menurunkan berat badan adalah dengan amalan pemakanan yang sihat dan melakukan senaman.

Untuk mewujudkan tabiat menabung atau menyimpan wang, anda hanya perlu ada kekuatan untuk mengurangkan perbelanjaan ataupun meningkatkan pendapatan. Tetapi untuk melakukan semua ini, anda perlu mengubah cara hidup anda terlebih dahulu.

Jika anda ingin mencuba, berikut adalah lima cara terantas untuk penjimatan dalam situasi kewangan anda sekarang.

1) Merombak semula pengurusan kewangan

Langkah pertama untuk menjimatkan wang adalah dengan mengurangkan perbelanjaan.

Lihat dan semak kembali ke mana wang anda banyak dibelanjakan, dan cari kaedah untuk mengurangkannya. Contohnya, jika sewa rumah anda adalah RM800 sebulan, maka tidak salah untuk anda untuk mengurangkan jumlah itu dengan menyewa rumah yang lebih murah ataupun

berpindah kembali ke rumah keluarga anda. Anda juga boleh cuba untuk mencari kawan bagi berkongsi sewa bilik bersama-sama.

Tiada had bagi kaedah untuk anda berjimat. Kuncinya adalah, anda tidak perlu menyiksa diri dengan berhenti berbelanja secara drastik. Apa yang anda perlu lakukan hanyalah dengan mengurangkan perbelanjaan secara konsisten.

Terdapat beberapa contoh untuk anda mengubah cara hidup yang mampu mengurangkan perbelanjaan bulanan anda.

2) Tingkatkan pendapatan

Wang anda sudah berkurangan. Apa yang anda perlu lakukan? Selain daripada mengurangkan perbelanjaan, anda juga perlu meningkatkan pendapatan. Tidak kira betapa hebatnya anda menyimpan duit, pendapatan tambahan akan membantu anda.

Untuk menambahkan pendapatan, anda perlu memikirkan tentang kerjaya yang mampu memberikan gaji yang lumayan. Walau bagaimanapun, jika anda tidak merancang untuk menukar pekerjaan, anda boleh kerap berbincang dengan majikan anda tentang prestasi dan sasaran untuk membolehkan anda layak bagi mendapat kenaikan pangkat atau ganjaran yang lain.

Cara lain untuk menambahkan pendapatan anda adalah dengan mencari kerja sambilan seperti menulis, pekerjaan bebas, menulis blog dan mungkin menjadi guru tuisyen. Untuk memilih

Contoh: Anggaran perbelanjaan bulanan dan pelan penyimpanan

	Perbelanjaan bulanan sebelum pengurangan	Perbelanjaan bulanan selepas pengurangan	Penjimatan
Makan tengah hari	RM8 x 30 hari = RM240	Sandwic tuna dari rumah RM10 x 4 minggu = RM40	RM200
Makan malam	Makan di luar sebanyak RM10 sehari RM10 x 30 hari = RM300	Masakan dari rumah (barangan runcit) RM100 sebulan	RM200
Yuran parkir di tempat kerja	RM150	Mengambil LRT ke tempat kerja (Petaling Jaya – Kuala Lumpur) RM2.10 x 23 hari bekerja = RM48.30	RM101.70
Transportasi ke tempat kerja	Kos petrol ke tempat kerja = RM150	RM0	RM150
Sewa	Pangsapuri 3-bilik tidur tanpa rakan serumah = RM1,200	Pangsapuri 3-bilik tidur dengan rakan serumah = RM500	RM700
Hiburan	Filem seminggu sekali = RM52 Hiburan lain = RM100 Jumlah = RM152	Hiburan dan menonton filem di rumah = RM0	RM152



pekerjaan sambilan, ia bergantung kepada kecenderungan dan kepakaran anda.

3) Jana wang dari ‘barangan terpakai’

Seperti yang diperkatakan sebelum ini, mengurangkan perbelanjaan sahaja tidak mencukupi. Anda juga boleh menambah pendapatan anda dengan menjual barangan terpakai. Terdapat banyak forum, laman Facebook dan laman sesawang yang boleh anda menjual barangan terpakai.

Wang merupakan motivasi yang kuat untuk membolehkan anda memulakan apa yang sepatutnya dimulakan sebelum ini. Jika terdapat banyak pakaian atau barangan yang tidak lagi muat untuk dimasukkan ke dalam almari, maka anda boleh cuba untuk menjualnya jika anda tidak mahu memakainya lagi (pastikan pakaian tersebut masih dalam keadaan yang baik). Setiap ringgit tambahan yang anda terima, boleh membawa anda kepada matlamat dan impian anda. Jadi, apa yang ditunggu lagi? Jom jadi kreatif!

“Berusaha sedikit untuk menjadi lebih pintar dan berjimat, anda boleh mengira wang yang akan diperoleh daripada faedah berganda.”



4) Dapatkan ganjaran apabila anda berbelanja

Berjimat tidak bermaksud anda perlu menjalani kehidupan seperti sami, rahib atau paderi. Anda boleh memanjakan diri anda sekali-sekala. Anda masih boleh menikmati makan malam di luar atau memanjakan diri dengan terapi membeli-belah. Kuncinya adalah anda perlu bijak memilih tempat berbelanja yang bersesuaian dengan pendapatan anda.

Salah satu cara untuk mendapatkan diskaun adalah dengan berbelanja melalui laman sesawang.

Kebanyakan barangan di Internet adalah lebih murah kerana mereka tidak perlu membayar sewa kedai. Anda juga boleh menebus kupon untuk mendapatkan lebih banyak diskaun di kedai sesawang.

Beberapa laman sesawang e-dagang yang terkenal menawarkan kod-kod baucar diskaun. Maka anda boleh memuat turun baucar yang menawarkan diskaun terkini di laman sesawang, seperti *iPrice.my*. Semua kod baucar dikemas kini setiap hari untuk memastikan anda tidak terlepas peluang untuk berjimat.

Cara lain untuk mendapat ganjaran berbelanja adalah dengan menggunakan kad kredit. Ambil masa seketika untuk mengetahui tentang ganjaran dan diskaun yang ditawarkan oleh kad kredit. Dengan itu, lebih mudah untuk anda mendapatkan wang pulangan dan mata ganjaran setiap kali anda berbelanja!

5) Faedah berganda yang magik

Setelah mengubah dan menjana lebih pendapatan, anda boleh menyimpan wang di dalam tin. Namun begitu, meletakkan wang di bawah katil bukanlah cara penyimpanan wang yang betul.

Berusaha sedikit untuk menjadi lebih pintar dan berjimat, dalam pada masa yang sama, anda boleh mengira wang yang akan diperoleh daripada faedah berganda.

Terdapat beberapa cara untuk anda menyimpan wang dan mendapat imbuhan atasnya, seperti:

- 1) **Akaun deposit tetap** – merupakan satu alternatif mudah dan bebas risiko kepada saham/bon. Deposit tetap ialah pelaburan bagi orang yang mahukan instrumen pelaburan yang berisiko rendah atau cara menyimpan wang untuk mendapatkan faedah yang lebih tinggi.
- 2) **Tabung unit amanah** – risiko rendah apabila melabur di dana unit amanah kerana seorang pengurus dana akan dilantik untuk memastikan portfolio pelabur dipelbagaikan.

Kadangkala satu matlamat mampu merangsang anda untuk mendapatkan wang dengan segera, seperti menyimpan untuk satu percutian atau membeli rumah. Bagaimanapun, terdapat satu peluang, yang sebaik sahaja anda membuat perubahan ini, anda tidak akan kembali kepada tabiat lama anda.

Sumber: Diolah daripada artikel imoney.my



Adakah Bil Elektrik Anda Meningkat?

Pada akhir tahun 2015, kerajaan telah mengumumkan pengurangan rebat tarif elektrik di Semenanjung Malaysia. Mengikut laporan media, pengurangan tersebut akan mengakibatkan pengguna perlu membayar lebih 0.73 sen bagi setiap kilowatt per jam (kWj) untuk tempoh 6 bulan pertama tahun ini.

Rebat yang dibekalkan oleh kerajaan dikurangkan daripada 2.25 sen/kWj kepada 1.52 sen/kWj, yang menunjukkan berlaku peningkatan dalam bil elektrik. Perubahan ini telah menyebabkan ramai pengguna salah faham dan beranggapan bahawa tarif elektrik meningkat.

Sebenarnya, tarif asas elektrik adalah tidak berubah sejak semakan semula pada tahun 2014 (seperti ditunjukkan dalam Jadual 1). Perubahan bil elektrik adalah disebabkan pengurangan rebat pada jumlah bil yang penggunaan kWj melebihi 300 kWj atau lebih daripada RM77 sebulan.

Perubahan kadar rebat adalah bergantung kepada mekanisme Pelepasan Kos Bahan Api dan Penjanaan (*Imbalance Cost Pass Through, ICPT*) yang diperkenalkan sejak tahun 2014 berdasarkan pendekatan Kawal Selia Berdasarkan Insentif atau *Incentive Based regulation (IBR)*.

Jadual 1: Tarif Elektrik Domestik Terkini

Kategori Tarif	Kadar (RM/kWj)
Untuk 200kWj (1-200kWj) yang pertama setiap bulan	21.80 sen
Untuk 100 kWj (201- 300kWj) yang berikut	33.40 sen
Untuk 300 kWj (301- 600 kWj) yang berikut	51.60 sen
Untuk 300 kWj (601- 900 kWj) yang berikut	54.60 sen
Untuk kWj (901 kWj ke atas) yang berikut	57.10 sen
Caj bulanan minimum adalah RM3.00	

(Sumber: TNB.com, 2014)

Dengan terdapatnya mekanisme ICPT ini, sebarang pengurangan atau peningkatan kos bahan api dan kos penjanaan bekalan elektrik yang lain akan dilepaskan kepada pengguna melalui semakan setiap 6 bulan. Seperti contoh, pada bulan Januari 2016 sehingga Jun 2016, kadar rebat yang ditetapkan adalah 1.52 sen/kWj bagi tempoh 6 bulan ini. Secara keseluruhannya, kadar rebat

adalah ditetapkan mengikut penjumlahan yang terdapat selepas mengira kos bahan api dan kos penjanaan elektrik setiap 6 bulan.

Bagaimana Mengira Kesan Pengurangan Rebat Terhadap Bil Elektrik Anda?

Contoh: Rumah Kok Wai menggunakan sebanyak **1200 kWj sebulan**.



Langkah 1: Pengiraan kos tenaga mengikut Jadual 1.

1	200kWj x 21.80 sen = RM43.60	Jumlah yang tidak kena GST, 300 kWj, RM77.00
2	100kWj x 33.40 sen = RM33.40	
3	300kWj x 51.60 sen = RM154.80	Jumlah yang kena GST, 900 kWj, RM489.90
4	300kWj x 54.60 sen = RM163.80	
5	300kWj x 57.10 sen = RM171.30	

Jumlah bil (sebelum GST dan 1.6% Dana KWTBB)= RM566.90

Langkah 3: Pengiraan GST 6% (dikecualikan bagi pengguna penggunaan unit kurang daripada 300 kWj/bulan)

**Jumlah daripada kegunaan unit kena GST selepas tolak ICPT rebat x kadar GST 6%
RM476.22 x 6% = RM28.57**

Langkah 2: Pengiraan unit yang mendapat rebat ICPT, RM0.0152

Keterangan	Tidak Kena GST	Kena GST	Jumlah
Kegunaan (kWj)	300	900	1200
Kegunaan (RM)	77	489.90	566.90
ICPT, - RM0.0152 (Kegunaan, kWj x RM0.0152)	-4.56	-13.68	-18.24
Kegunaan Bulan Semasa (RM)	72.44	476.22	548.66

Langkah 4: Pengiraan KWTBB 1.6% (dikecualikan bagi pengguna penggunaan unit kurang daripada 300 kWj/bulan)

**Jumlah penggunaan bil x kadar KWTBB 1.6%
RM566.90 x 1.6% = RM9.07**

Langkah 5: Pengiraan jumlah kos bagi satu bulan.

**Jumlah Kegunaan Bulan Semasa
= RM548.66 + RM28.57 + RM9.07
= RM586.30**

Jadi, Kok Wai perlu membayar RM586.30 bagi bil elektrik bulan tersebut.

Sumber: Forum Air Malaysia



Bil Air: Suarakan Kerisauan Anda

Perkhidmatan utiliti yang asas, seperti bekalan air, amat penting untuk kehidupan seharian. Di Malaysia, perkhidmatan utiliti ini hanya dibekalkan oleh satu operator bagi setiap negeri. Hal ini bermaksud, para pengguna tidak mempunyai pilihan untuk beralih kepada operator lain. Anda hanya boleh menggunakan perkhidmatan daripada syarikat yang menyediakan perkhidmatan di negeri anda sahaja.

Oleh sebab itu, sebarang masalah yang timbul hanya boleh diselesaikan oleh penyedia perkhidmatan negeri berkaitan. Pernahkah anda mengalami gangguan bekalan air yang lama tanpa sebarang notis? Begitu juga, pernahkah anda mengalami bekalan air yang kotor, berbau atau rasanya kurang memuaskan? Jika ada, pernahkah anda melaporkan kes-kes ini kepada syarikat penyedia perkhidmatan atau pihak berkuasa yang berkaitan?

Oleh sebab kawasan perkhidmatan yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat ini amat luas, maka sebahagian masalah pengguna mungkin akan terlepas pandang oleh syarikat-syarikat ini. Jadi, para pengguna haruslah melaporkan sebarang masalah bekalan secara aktif.

Salah satu sikap pengguna adalah menunggu sehingga jiran ataupun penduduk membuat

laporan. Jika semua orang mengambil sikap tidak endah terhadap masalah tersebut, maka masalah itu akan berterusan tanpa penyelesaian. Masalah seperti bil yang terlalu tinggi, paip yang bocor atau meter yang rosak, akan berlarutan jika tiada aduan daripada pihak pengguna. Jika masalah ini berlaku, pengguna harus mengambil inisiatif untuk membuat aduan sendiri.

Aduan daripada pengguna amat penting kerana ia bukan sahaja melibatkan kemudahan pengguna, ia juga sebenarnya boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan anda jika masalah itu berterusan. Sebagai contoh, isu yang hangat dibincangkan pada ini ialah isu perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang. Pencemaran sungai yang serius di negeri itu telah menjejaskan sumber air utama Kuantan. Jika pengguna terminum air yang dicemari dengan logam berat ini, mereka akan dijangkiti oleh pelbagai jenis penyakit, seperti penyakit paru-paru, keracunan atau masalah sistem pembangunan.

Mujurlah pengguna-pengguna Kuantan sedar tentang masalah ini dan meminta supaya perlombongan bauksit itu dihentikan. Pihak berkuasa tidak mengambil sebarang tindakan apabila isu ini berlaku di peringkat awal. Namun apabila semua penduduk bersama-sama membuat aduan, pihak berkuasa terpaksa mendengar aduan penduduk ini. Walaupun alam sekitar dan hidupan air telah terjejas, aduan awal ini sekurang-kurangnya telah membantu mereka untuk mendapatkan bekalan air yang bersih dan selamat.

Air di rumah anda juga tidak semestinya selamat. Mengikut undang-undang Malaysia, Kementerian Kesihatan akan memastikan bahawa air yang keluar daripada loji rawatan air dalam keadaan bersih dan mematuhi piawaian yang ditentukan. Walau bagaimanapun, kebersihan yang dijamin itu cuma setakat di loji rawatan air sahaja. Pencemaran mungkin boleh berlaku melalui paip lama yang berukuran beribu-ribu kilometer, sama ada dari alam sekitar ataupun dari dalam paip yang terlalu uzur itu sendiri. Jadi apabila air paip anda berwarna atau berasa kurang menyenangkan, cubalah hubungi pihak berkaitan untuk mendapatkan penjelasan.

Masalah anda tidak akan diselesaikan jika syarikat air tidak tahu tentang masalah anda. Anda mestilah mengambil langkah pertama supaya tidak mengalami kerugian yang tidak sepatutnya.

Sumber: Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia (WECAM)



Nyamuk Aedes Punca Demam Zika

Aedes Aegypti merupakan vektor utama bagi virus Zika di kawasan bandar. Virus Zika tergolong di dalam keluarga *Flaviviridae* dan *genus Flavivirus*. Ia merupakan virus yang berkembang biak dalam serangga. Serangan virus ini menyebabkan demam Zika, yang dikaitkan dengan gangguan sistem saraf pada bayi yang baru dilahirkan akibat pemindahan virus tersebut daripada ibu kepada anak dalam kandungan. Penyakit ini menyebabkan kecacatan pada pertumbuhan dan perkembangan otak bayi tersebut. Demam Zika mempunyai simptom yang hampir sama dengan Denggi dan Chikungunya, iaitu demam suhu yang tinggi.

Kes demam Zika pada manusia yang pertama dilaporkan di Nigeria pada tahun 1954. Beberapa wabak telah dilaporkan di kawasan tropika Afrika dan beberapa kawasan di Asia Tenggara pada tahun yang sama. Wabak ini telah menular ke kawasan Amerika Selatan dan Tengah pada hujung tahun 2015 dan awal tahun 2016. Kes demam Zika lebih banyak berlaku di kawasan bandar dan kawasan yang terletak dengan tapak pembinaan. Tapak pembinaan yang tidak terurus

atau terbengkalai merupakan salah satu faktor pembiakan nyamuk Aedes.

Sikap masyarakat yang kurang prihatin terhadap kebersihan kawasan rumah dan taman-taman permainan merupakan punca utama kepada wabak penyakit Zika. Nyamuk Aedes membiak di dalam takungan air yang jernih di dalam dan di luar rumah, seperti air dalam pasu bunga, kolam, tayar buruk, bekas simpanan air dan lain-lain. Persekitaran yang kotor dan dipenuhi sampah sarap boleh mengundang pembiakan nyamuk Aedes. Longgokan sampah sarap dan longkang bertakung merupakan punca air bertakung, yang sekali gus menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes yang utama. Masyarakat digalakkan untuk lebih prihatin terhadap kebersihan kawasan sekitar rumah, tempat kerja dan sekolah. Masyarakat perlu memastikan longkang di kawasan rumah tidak tersumbat dan memastikan sampah sentiasa dibuang di dalam tong sampah yang disediakan dan menutupnya selepas digunakan. Masyarakat juga dinasihatkan untuk memakai pakaian yang cerah serta berlengan panjang semasa menjalankan

FAKTA TENTANG VIRUS ZIKA

Zika adalah virus yang **disebarkan oleh nyamuk Aedes (Aegypti)**

Tidak ada ubat atau vaksin untuk rawatan wabak ini

Wabak ini bermula di **Brazil** dan telah merebak ke 26 buah negara

Jangkitan ini dikaitkan dengan **kecacatan otak bayi** dalam kandungan dan sindrom saraf

Gejala ini termasuklah **demam ringan, ruam kulit, sakit sendi dan konjunktivitis**, biasanya sehingga 2-7 hari

Pencegahan jangkitan virus Zika adalah dengan mengelakkan daripada gigitan nyamuk. **Gunakan repellen dan lindungi kulit dengan memakai pakaian lengan panjang**

Kementerian Kesihatan Malaysia | KOMPutajaya | KementerianKesihatanMalaysia | Kementerian Kesihatan Malaysia

aktiviti luar. Pastikan pintu rumah dan tingkap tertutup rapat semasa waktu kemuncak nyamuk Aedes berkeliaran, seperti waktu senja dan waktu awal pagi.

Keadaan cuaca di Malaysia pada tahun ini adalah panas dan hujan yang sepanjang tahun. Cuaca yang lembap ini telah menyebabkan pembiakan nyamuk Aedes. Musim El Nino yang melanda sekarang juga menjadi salah satu punca kes demam Zika semakin meningkat. Musim panas menyebabkan masyarakat menyimpan bekalan air di dalam bentuk takungan bagi kegunaan harian mereka. Takungan air ini mengundang pembiakan jentik-jentik nyamuk aedes. Pihak berkuasa perlu mengadakan kempen bagi mendidik rakyat mengenai cara-cara untuk membantu membendung penyebaran virus Zika, termasuk juga kaedah yang betul untuk mengumpul stok air dan cara untuk mengelakkan diri daripada digigit oleh nyamuk.

Simptom dan Tanda-Tanda Demam Zika

Berikut adalah simptom utama demam Zika, yang memberikan tanda-tanda apabila seseorang pesakit telah dijangkiti:-

1. Sakit kepala
2. Ruam pada kulit
3. Sakit sendi
4. Mata kemerahan

Cara Rawatan

Untuk merawat demam Zika, ia adalah seperti demam Denggi, iaitu sehingga kini masih belum terdapat vaksin atau ubat spesifik yang boleh melawan virus Zika.

Sumber: Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia (WECAM)

Menteri KPDNKK Bersama-Sama Memerangi Kenaikan Harga Barang

10 FEBRUARI 2016




Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengajak orang ramai untuk bersama-sama berjuang bagi memerangi kenaikan harga barang di negara ini.

YB Menteri KPDNKK, Dato' Seri Hamzah Zainudin menyatakan bahawa kerjasama itu penting berikutan wujudnya segelintir peniaga degil, yang dikesan masih melanggar peraturan dengan menaikkan harga barangan pada musim perayaan. Bagi membantu Kementerian bagi memerangi peniaga seperti ini, cadangan serta input daripada orang ramai amat diperlukan dalam kerja-kerja penguatkuasaan. Beliau berkata demikian selepas Program Turun Padang melihat perkhidmatan Express Rail Link (ERL) dari Putrajaya Sentral ke KL Sentral. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha KPDNKK, Dato' Sri Alias Ahmad.



YB Menteri beramah mesra dengan penumpang Express Rail Link dari Putrajaya ke Kuala Lumpur Sentral.



Di samping itu, Kementerian ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas pencapaian YB Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Input-input dan cadangan yang diperoleh daripada orang ramai itu akan dikumpulkan dan dianalisis untuk tindakan selanjutnya oleh Kementerian. Tindakan ini membuktikan bahawa Kementerian serius dalam mengangkat pandangan rakyat. Sejak 3 Februari lalu, Kementerian telah melakukan lebih 20,000 pemeriksaan di seluruh negara, dan mengeluarkan sebanyak 216 notis. Sebanyak RM24,845 nilai rampasan telah


dilakukan dan nilai kompaun bernilai RM31,282 dikeluarkan. Sebanyak 170 peniaga dikesan gagal menggunakan tanda harga merah jambu dan dikenakan kompaun sebanyak RM23,242 serta nilai rampasan sebanyak RM13,864. Selain itu, sebanyak 42 peniaga dikenakan kompaun sebanyak RM5,200 dengan nilai rampasan RM2,378 kerana kesalahan tidak meletakkan tanda harga.

KARYA KEPENGGUNAAN

Kemukakan karya-karya menarik berkaitan kepenggunaan (dalam bentuk cerpen, pantun, sajak, gambar, berita, pandangan, komen, risalah, poster dan lain-lain) ke alamat berikut:

Bahagian Gerakan Kepenggunaan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan,
Aras 4, No 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623 Putrajaya
Tel : 03-8882 5979
Faks : 03-8882 5983
E-mel : bk@kpdnkk.gov.my

Pastikan setiap sumbangan karya disertakan nama, nombor kad pengenalan dan alamat penuh. Karya-karya bertuah yang tersiar dalam Buletin Generasi Pengguna akan memenangi hadiah misteri yang menarik!!



KEMPEN KESEDARAN KECEKAPAN TENAGA KEBANGSAAN

Ingat, pastikan mesin basuh digunakan dengan muatan penuh setiap kali!

Kawan-kawan, seterika baju anda dengan banyak sekaligus! Tenaga dibazirkan apabila seterika dipanaskan semula!

Hanya dididih air yang diperlukan. Mendidih semula air yang telah masak hanya membazirkan elektrik.

Jangan membuka pintu peti sejuk dengan kerap bagi mengelakkan udara sejuk terbebas!

Tukar kepada CFL untuk pencahayaan dalaman. Ia dapat jimat tenaga sehingga 75% dan tahan 10 kali lebih lama.

Anda tidak perlu menetapkan suhu penghawa dingin terlalu rendah! Tetapkan ia pada suhu 24-26°C untuk keselesaan.

Tutup pintu dan tingkap ketika penghawa dingin sedang beroperasi untuk mengurangkan udara sejuk terbebas.

Jika boleh, guna komputer riba berbanding komputer meja. Ia menggunakan tenaga yang lebih rendah!

Sesetengah orang berkata mod rehat adalah pontianak tenaga elektrik! Tutup dan cabut plag peralatan apabila tidak digunakan.

Kawan-kawan, tahu tak TV skrin rata menggunakan tenaga yang lebih rendah dari CRT?

Hai kawan-kawan, ini adalah beberapa tindakan yang boleh anda lakukan untuk menjadi lebih cekap tenaga, seperti saya!

www.switch.org.my

Dianjurkan bersama oleh:



Dilaksanakan oleh:



Disokong oleh:

